

## **PERMASALAHAN PENCAPAIAN AKADEMIK SEKOLAH RENDAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI MELAKA**

**Rozita Baba**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Mohamad Nazli Omar**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Nur Zafirah Muhammad Nor**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Juwairiah Hassan**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: rozita@kuim.edu.my*

### ***Article history:***

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan pembelajaran di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat sekolah rendah di negeri Melaka. Terdapat 7 buah sekolah rendah SABK di Melaka. Seramai 80 responden terlibat dalam kajian ini. Tujuan pembentukan SABK bukan sahaja melahirkan warganegara yang baik tetapi juga meliputi pembentukan modal insan yang lengkap dari segi kehidupan beragama dan duniawi. Di samping itu, pendidikan yang berlandaskan ajaran Islam juga ditujukan melahirkan manusia soleh yang dapat memenuhi keperluan dunia dan kehidupan di akhirat. Kajian merupakan kajian kuantitatif dan data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan frekuensi dan peratusan telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pentadbiran sekolah mengurus kelas peperiksaan termasuk agihan jadual kelas SABK dengan baik. Walau bagaimanapun, dalam aspek fasiliti, 80% guru masih kurang berpuashati. Kekurangan guru opsyen bagi subjek kritikal merupakan masalah utama guru-guru apabila kesemua bersetuju dengan permasalahan ini. Peningkatan tadbir urus sekolah serta penambahan fasiliti pembelajaran yang lebih efisien adalah dicadangkan bagi meningkatkan pencapaian SABK di dalam peperiksaan utama.

**Kata Kunci:** SABK, Guru Opsyen, Akademik, Melaka

## ***ACADEMIC ACHIEVEMENTS PROBLEMS OF GOVERNMENT AIDED RELIGIOUS PRIMARY SCHOOLS (SABK) IN MELAKA***

### ***ABSTRACT***

*This study aims to identify academic achievement problems in Government Aided Religious Schools (SABK) at the primary school level in Melaka. There are 7 SABK primary schools in Melaka. A total of 80 respondents were involved in this study. The purpose of the formation of SABK is not only to produce good citizens but also to include the formation of complete human capital in terms of religious and worldly life. In addition, education based on the teachings of Islam is also aimed at producing pious people who can meet the needs of the world and the hereafter. Data were analyzed descriptively using frequency and percentage. The results show that the school administration manages the examination classes including the distribution of SABK class schedules well. However, in terms of facilities, 80% of teachers are still dissatisfied. The lack of option teachers for critical subjects is a major problem of teachers when all agree with this problem. Improved school governance as well as the addition of more efficient learning facilities are proposed to improve SABK's achievement in major examinations.*

***Keywords:*** SABK, Option Teacher, Academic, Melaka

### **PENGENALAN**

Anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) telah memberi penekanan kepada keberhasilan guru yang berkualiti dan komited agar dapat menyumbangkan ilmu dan tenaga ke tahap maksimum demi melonjakkan imej negara dalam ekonomi dunia melalui transformasi pendidikan. Produktiviti sumber manusia dan sumber kewangan merupakan keutamaan dalam dasar ini dan perkara penting yang perlu diambil kira untuk mencapai matlamat ini adalah dengan mewujudkan pengagihan sumber yang dapat memberi impak yang besar kepada peningkatan sistem pendidikan bukan sahaja dalam akademik malah diniah. Selain dari itu, institusi pendidikan mestilah mempunyai persekitaran yang positif dan kondusif.

Penubuhan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bertujuan meningkatkan dan memperkasakan sekolah aliran agama di Malaysia (KPM, 2005). Terdahulu, SABK juga dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat atau SAR. SAR telah berkembang di Malaysia sejak dari abad ke-20 lagi. Sepanjang masa penubuhan ini, SAR telah menjadi sebutan masyarakat kerana telah berjaya melahirkan ramai pelajar yang berkemahiran dalam bidang agama di samping turut cemerlang dalam bidang akademik. Seiring dengan kejayaan itu, ibu bapa mula sedar akan kepentingan untuk anak-anak mereka menguasai ilmu agama di samping ilmu akademik yang dibawa oleh SABK. Seperti sekolah aliran kebangsaan, SABK juga menawarkan peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selain ditambah

dengan peperiksaan agama seperti Sijil Rendah Agama (SRA) dan Sijil Menengah Agama (SMA).

Kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar kepada sekolah bantuan Kerajaan. Sebanyak RM 800 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 bagi penyelenggaraan dan baik pulih sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif (Berita Harian, 6 November 2020). Ini menunjukkan keperihatinan kerajaan terhadap sistem pendidikan negara termasuklah bantuan kepada sekolah SABK. Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar SABK di dalam peperiksaan UPSR dilihat masih belum menunjukkan pencapaian yang begitu membanggakan. Pencapaian UPSR bagi keseluruhan SABK kategori sekolah rendah di peringkat nasional bagi tahun 2019 hanya 70 peratus sahaja. Pencapaian pelajar SABK peringkat sekolah rendah di dalam peperiksaan UPSR di negeri Melaka juga gagal menunjukkan pencapaian 100 peratus lulus. Selain itu, pencapaian UPSR bagi tujuh SABK ini mengalami pencapaian yang turun naik bagi tahun yang dikaji. Juga terdapat SABK yang menunjukkan pencapaian yang semakin menurun.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh sekolah rendah SABK yang secara tak langsung boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar menerusi keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di tujuh buah sekolah rendah SABK negeri Melaka. Antara aspek yang sangat penting dalam pembangunan sekolah ialah pengurusan. Pengurusan yang baik di peringkat sekolah akan memastikan sistem pendidikan mencapai matlamat yang dicita-citakan. Selain itu, Falsafah Pendidikan Islam yang meletakkan matlamat untuk melahirkan murid yang mampu berdaya saing, seterusnya mencapai hasrat melahirkan murid yang berakhlak tinggi dan berjaya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) turut dijadikan panduan.

Namun, usaha ini akan menjadi sia-sia atau membuang masa, jika perhatian dan tumpuan oleh pihak pentadbiran atau pengurusan sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) tidak dipertingkatkan. Keselesaan atau perhatian yang sama kepada pelajar SABK perlu sama dengan murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK). Antaranya kelas yang selesa, bangunan yang sempurna, pembelajaran quran dan tajwid mengikut waktu yang sama dengan rakan sebaya mereka di Sekolah Kebangsaan. Berikutan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) atau melalui Sektor Pendidikan Islam (SPI) harus menyelesaikan masalah ini. Oleh itu, guru-guru SABK harus sentiasa dipantau dan diberi motivasi agar sentiasa segar menghadapi situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang semakin mencabar. Mereka juga mesti dibantu dan diberi perhatian untuk mengetahui situasi dan masalah sebenar ketika mengurus dan melaksanakan proses PdP di sekolah. Dengan ini, prestasi pencapaian murid-murid dalam peperiksaan utama sekolah rendah di SABK dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa selari dengan pencapaian murid-murid Islam di Sekolah Kebangsaan.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa faktor yang boleh dikaitkan dengan prestasi pencapaian peperiksaan ini. Antaranya, Ahmad Zabidi (2006) mendapati bahawa keruntuhan akhlak seperti pendedahan aurat, melakukan hubungan seks bebas, keterlibatan dengan dengan penyalahgunaan dadah, pecah amanah, meminum arak, merogol dan membunuh menunjukkan tahap penghayatan agama yang sangat membimbangkan khususnya apabila melibatkan golongan anak-anak remaja yang masih berada dibangku sekolah. Kajian Ali, F. (2007) pula mendapati masalah sosial pelajar mempunyai hubungkait yang rapat terhadap kemerosotan pembelajarannya.

Kajian Fauzi bin Sulihan (2013) pula melihat bebanan guru-guru SABK bertambah ekoran terpaksa menggalas banyak tugas kerana latar belakang mereka yang berbeza dengan sekolah lain. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) mempunyai dua aliran yang perlu diikuti oleh semua pelajarnya iaitu aliran “Dinniah” dan akademik. Permasalahan lain yang timbul ialah mengenai isu kepimpinan. Kepimpinan yang lemah boleh menjadi punca permasalahan yang lain. Menurut Sapora (2006), sesuatu masalah sering timbul apabila guru tidak menghormati pemimpin sekolah disebabkan isu peribadi ataupun tidak selesa dengan kepimpinan di sesebuah sekolah. Perbezaan tahap pendidikan guru yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah juga boleh menyebabkan mereka tidak menghormati pemimpin mereka. Kajian Hashim & Daud (2014) menambah, kepimpinan guru besar atau pengetua membawa kesan yang berbeza-beza kepada sekolah khususnya para guru. Manakala Andriani, Kesumawati & Kristiawan (2018) mendapati kepemimpinan transformasional mempunyai hubungan positif dan signifikan prestasi guru SMK Negeri di Palembang. Prestasi guru yang baik memastikan pencapaian akademik yang baik.

Iklim sekolah dan komitmen guru di SABK juga merupakan faktor utama terhadap kecemerlangan akademik pelajar. Kassim et al. (2016) telah menyokong kenyataan ini melalui kajian mereka di SABK negeri Kelantan. Hasil kajian mereka mendapati komitmen guru kepada murid akan memotivasikan guru untuk berbincang dengan muridnya yang mengalami masalah peribadi atau lebih sensitif pada perubahan dan perkembangan serta kejayaan muridnya. Ini membuktikan bahawa komitmen guru di SABK terhadap murid bakal melonjakkan akademik sekolah. Selain itu, iklim sekolah yang positif akan membantu keupayaan muridnya untuk belajar dan membantu pembelajaran secara berkumpulann dengan memberikan suasana yang selesa, harmoni serta kepercayaan dan rasa hormat. Mabeya, Gikuhi & Anyona (2019) pula mendapati disiplin dalam kalangan pelajar, infrastruktur yang dan sumber pengajaran tidak mencukupi, campur tangan politik, etnik, kepimpinan yang lemah, beban kerja yang banyak mempengaruhi kecenderungan guru untuk bertukar pekerjaan.

Terdapat juga kajian yang memfokuskan mengenai kekangan peruntukan waktu pada Mata Pelajaran Kurikulum Diniyah di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seperti kajian yang di jalankan oleh Umar & Hussin (2012), menunjukkan terdapat masalah besar dalam penyelarasan pembahagian mata pelajaran kebangsaan dan Diniyah. Dapatan menunjukkan, semua negeri

mempunyai kaedah yang berbeza dalam pelaksanaannya. Bagi memberikan pengukuhan kepada kedudukan mata pelajaran Diniah, ia memerlukan langkah berkesan melalui dua pihak sama ada secara bersama atau berasingan. Cadangan yang diberikan ialah melalui pengukuhan dan jaminan memorendum persefahaman yang telah ditandatangani iaitu mewujudkan klausa yang jelas agar tiadanya pentafsiran lain yang merugikan kurikulum Diniah. Menurut kajian Othman & Omar (2014) menunjukkan bahawa tahap beban tugas akademik adalah tinggi ( $M=3.79$ ,  $SD=.211$ ), tahap beban tugas bukan akademik juga adalah tinggi iaitu ( $M=4.43$ ,  $SD=174$ ) tahap beban tugas guru adalah tinggi ( $M=4.11$ ,  $SD=159$ ) dan tahap motivasi pengajaran adalah sederhana ( $M=3.56$ ,  $SD=538$ ).

Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Razali & Raop (2019), di antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang paling utama ialah sikap pelajar itu sendiri. Pelajar yang bersikap positif biasanya akan menghargai sumbangan guru dan mementingkan pengajarannya. Kaedah pembelajaran juga turut memainkan peranan yang penting. Kebanyakan kaedah pembelajaran dilakukan secara tradisional seperti yang diamalkan oleh kebanyakan pelajar merupakan pembelajaran yang pasif. Mereka menghabiskan kebanyakan masa persekolahannya dalam suasana pembelajaran dengan menghafal semua maklumat yang disampaikan oleh guru secara syarahan tanpa ada penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Pelajar hanya mendengar syarahan dan mengingati fakta yang diberikan oleh guru. Kaedah pembelajaran ini lebih berpusatkan kepada guru. Selain itu, bagi memberi ruang yang mencukupi bagi tujuan pembelajaran, faktor saiz sekolah turut diberi penekanan bagi melancarkan penerimaan murid di dalam kelas yang secara tidak langsung boleh meningkatkan pencapaian dan kecekapan sekolah (Baba, R. et al., 2021).

Ghani, K. A. (2020), mendapati konsep pengajaran model CLIL telah dipilih dan diadaptasi mengikut acuan Malaysia. Kaedah ini telah berjaya dibina berkonsepkan integrasi kandungan dan kemahiran bahasa. Kaedah ini juga telah dilakukan semakan dan mendapat persetujuan serta pengesahan kebolehgunaannya oleh enam orang pakar yang terdiri daripada tiga orang ahli akademik, seorang guru juru latih utama KBD dan dua orang guru berpengalaman KBD di SABK. Hasil dari perakuan enam pakar ini kaedah ini dinamakan Kaedah Integrasi yang merujuk kepada pengabungjalinan antara kaedah pengajaran kandungan mata pelajaran dan kaedah pengajaran kemahiran bahasa kedua.

Kajian oleh Ibrahim & Mohamed (2021) berkenaan aspek utama pengajaran iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap menunjukkan walaupun pengetahuan guru-guru bukan opsyen adalah tinggi, terdapat segelintir guru-guru bukan opsyen kurang optimis dalam pengajaran. Kajian ini selari dengan penulisan Chee et al (2018) yang menyatakan guru yang tidak memiliki pengetahuan mungkin tidak mencapai kepuasan dalam kerjayanya, kerana antara faktor kepuasan melaksanakan pengajaran bergantung kepada pengetahuan pedagogi. Hamid, Awang, & Ahmad (2016) pula mendapati pengetahuan guru yang terhad mengenai subjek yang diajar melemahkan penyampaian ilmu sekaligus menyukarkan pemahaman pelajar. Jika seseorang guru tidak memiliki

pengetahuan pedagogi isi kandungan, maka pengajaran tidak dapat berlangsung dengan baik sekaligus mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, pengkaji merasakan kewajaran kajian pencapaian akademik Sekolah Rendah Agama dilakukan bagi mengenalpasti permasalahan serta melakukan penambahbaikan dan mutu akademik di SABK terutamanya sekolah rendah. Kajian ini mengisi jurang kajian lepas dengan menunjukkan keperluan kemudahan pembelajaran iaitu kemudahan komputer, alatan komputer seperti LCD dan jaringan internet yang sangat mempengaruhi pencapaian akademik. Kajian lepas lebih menumpu kepada teknik pengajaran, pengetahuan guru dan penyampaian guru.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan data yang diperolehi daripada guru-guru SABK negeri Melaka.

Responden kajian ini dipilih dari 7 buah SABK di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Negeri Melaka. Kajian ini membabitkan guru-guru SABK negeri Melaka, yang mengajar secara tetap di sekolah berkenaan. Malah sekolah telah dibekalkan dengan guru-guru akademik dan guru-guru diniah. Seramai 80 orang guru telah dilibatkan dalam kajian ini. Mereka ini telah mengisi borang soal selidik dan memberi maklum balas berdasarkan instrumen yang disediakan oleh penyelidik. Subjek terdiri dari pelbagai gred jawatan guru, lulusan dalam dan luar negara, umur dan pengalaman mengajar.

Instrumen kajian adalah sepenuhnya berdasarkan soal selidik yang dibina berdasarkan beberapa tinjauan kajian lepas yang melibatkan aspek pentadbiran dan pengurusan di SABK, infrastruktur dan bahan, sokongan staf dan guru-guru lain, sokongan serta perhatian ibu bapa terhadap di SABK.

Semua item soal selidik dianalisa secara deskriptif dengan statistik yang digunakan ialah kekerapan dan peratusan. Data diperolehi dari Jabatan Pendidikan Melaka serta sekolah-sekolah terbabit. Data keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah dari tahun 2015-2019.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Responden terlibat terdiri daripada 53 orang guru perempuan dan 27 guru lelaki. Seramai 40 orang guru terlibat dengan tugas lain seperti guru besar, guru penyelarasan/panitia, guru data, guru penolong kanan dan Guru Penolong Kanan (Diniah). 59 orang guru telah berkhidmat dalam tempoh 4-15 tahun dan 21 orang guru mempunyai pengalaman mengajar melebihi 16 tahun.

Merujuk Jadual 1, item 1 mendapati maklum balas responden mencecah 80 peratus sangat bersetuju berkaitan kekurangan fasiliti pengajaran dan pembelajaran. Manakala 20 peratus guru-guru bersetuju bahawa SABK masih kekurangan fasiliti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, item 2 pula menunjukkan maklum balas responden terhadap tahap pengurusan sekolah terhadap kelas peperiksaan. 68 peratus guru setuju bahawa tahap pengurusan

kelas peperiksaan adalah teratur, manakala 26 peratus lagi sangat setuju dengan item 2. Selain itu jadual kelas yang diberikan kepada guru-guru didapati bersesuaian apabila item 3 menunjukkan 60 peratus bersetuju dan 24 peratus sangat bersetuju.

Malaysia yang sedang giat mengorak langkah ke arah pembelajaran abad 21, boleh mencapai matlamat tersebut apabila dilihat pada item 8 dan item 9 yang berkaitan dengan kemudahan internet serta perisian PdP. Maklum balas dari kajian infrastruktur juga boleh dilihat mengenai kemudahan peralatan elektronik dan peralatan komputer. Jawapan yang diterima boleh dilihat pada item 4, item 5 dan item 6. Jika kita gabungkan respon setuju dan sangat setuju, peratusannya mencecah 77 peratus pada item 4, 84 peratus bagi item 5, dan 60 peratus pada item 6. Walaupun agak sedikit yang tidak setuju dengan persoalan ini, namun kesannya pada pelajar yang belajar mata pelajaran ini boleh merugikan. Item 4, 5 dan 6 ini saling berkait rapat ke arah kesempurnaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Apa yang menyedihkan, masih terdapat sekolah yang gagal memberi komitmen dengan pencapaian sangat kurang setuju mencecah 12 peratus dan tidak setuju mencecah 28 peratus item 6. Item 7 menunjukkan permasalahan kekurangan guru opsyen bagi subjek kritikal turut memberi kesan terhadap pengurusan SABK seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian pelajar di dalam UPSR. 53 peratus dari responden sangat bersetuju faktor ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar di dalam UPSR. Manakala, 47 peratus lagi bersetuju dengan permasalahan ini.

Jadual 1 :Permasalahan Guru-Guru SABK (sekolah rendah) negeri Melaka

ITEM	TAHAP				JUM
	1	2	3	4	
1 Kekurangan fasiliti untuk proses pengajaran dan pembelajaran.	0	0	16 (20%)	64 (80%)	80 (100%)
2 Pentadbir sekolah sentiasa memberi perhatian terhadap kelas peperiksaan.	4 (5.3%)	10 (12%)	54 (68%)	12 (15%)	80 (100%)
3 Jadual yang diberi sangat adil dan sesuai	3 (4%)	10 (12%)	48 (60%)	19 (24%)	80 (100%)
4 Kemudahan internet dapat diakses dengan baik dan lancar.	0 (0%)	3 (4%)	51 (64%)	26 (32%)	80 (100%)
5 Makmal komputer atau bilik multimedia disediakan dengan lengkap dan sempurna.	3 (4%)	5 (12%)	45 (56%)	22 (28%)	80 (100%)
6 Alatan computer dan LCD dilengkapi dengan baik dan mudah digunakan.	10 (12%)	22 (28%)	32 (40%)	16 (20%)	80 (100%)
7 Kekurangan guru opsyen bagi subjek kritikal	0	0	38 (47%)	42 (53%)	80 (100%)

<b>8</b>	Waktu mengajar yang singkat bagi setiap subjek	0	0	60 (75%)	20 (25%)	80 (100%)
<b>9</b>	Bebanan kerja guru dengan tambahan program-program lain.	0	0	61 (76%)	19 (24%)	80 (100%)
<b>10</b>	Lain-lain masalah (tahap penguasaan pelajar rendah).	0	60 (75%)	16 (20%)	4 (5%)	80 (100%)

*Nota : 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = setuju, 4 = sangat setuju*

Jadual 1 turut juga menunjukkan permasalahan yang dihadapi guru-guru di SABK. Pelaksanaan subjek akademik dan subjek diniyah dalam satu sesi persekolahan mengakibatkan waktu mengajar yang singkat bagi setiap subjek. Keadaan ini memberi kesan terhadap tumpuan pelajar terhadap sesi pembelajaran. Item 7 turut menjadi bebanan kepada guru-guru iaitu 53 peratus guru-guru terkesan kerana kelewatan atau ketiadaan guru opsyen. Item 8 menjelaskan 75 peratus maklum balas responden menunjukkan waktu pengajaran bagi setiap subjek adalah terlalu singkat. 25 peratus sangat bersetuju dengan permasalahan ini. Tugas guru-guru bukan sahaja di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, malah turut terlibat di dalam tugas pentadbiran dan program-program lain. Keadaan ini dijelaskan oleh item 9 di mana maklum balas guru menunjukkan 76 peratus guru bersetuju bebanan kerja tambahan mengganggu proses pembelajaran. Manakala 24 peratus lagi responden sangat bersetuju dengan permasalahan ini. Item 10 pula menunjukkan lain-lain masalah (tahap pengurusan pelajar) mendapat maklum balas yang agak baik di mana 75 peratus responden mendapati tidak terdapat permasalahan terhadap pengurusan pelajar. Hanya 25 peratus responden sahaja yang mendapati terdapat permasalahan pengurusan pelajar.

## **PENUTUP**

Rumusan keseluruhan hasil dapatan yang diperolehi, didapati hubungan dan keakraban guru SABK dengan pihak pengurusan dan pentadbir sekolah berada pada situasi yang amat baik. Maklum balas responden pada item-item yang dikemukakan mencapai peratusan yang tinggi dan memuaskan. Begitu juga kepada persiapan dan sokongan yang berkaitan dengan alatan kelengkapan PdP dan kelas pengajaran.

Sehubungan dengan itu, pihak yang terlibat sewajarnya mengambil kira beberapa aspek yang berkaitan dengan penambahbaikan pengurusan dan fasiliti pembelajaran sekolah. Malah pengiktirafan juga perlu diberikan kepada guru-guru SABK yang sentiasa memberi komitmen kepada kerja di sekolah tanpa mengira waktu. Pengurangan beban tugas tambahan serta penambahan guru opsyen subjek kritikal perlu diselesaikan dengan segera. Ini adalah kerana kecemerlangan sekolah dan pencapaian murid di dalam peperiksaan utama sekolah rendah memerlukan komitmen yang sangat tinggi dengan tindakan yang ikhlas kerana Allah SWT.



Sebagai lanjutan kajian, dicadangkan kajian yang memfokuskan kepada aspek amalan pengajaran guru SABK turut perlu dijalankan. Begitu juga dicadangkan kajian berkaitan gaya pembelajaran pelajar juga perlu dijalankan.

## RUJUKAN

- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan : Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3-19.
- Ali, F. (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.
- Andriani, S., Kesumawati, N., & Kristiawan, M. (2018). The influence of the transformational leadership and work motivation on teachers performance. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 7(7), 19-29.
- Baba, R., Karim, Z. A., Abdul-Majid, M., & Sulaiman, N. (2021). *The Determinants of the Technical Efficiency of Secondary Schools in Malaysia: A Panel Evidence*. *ETIKONOMI*, 20(1), 169-184.
- Chee, J., Nor, M. M., Othman, A. J., & Rahman, M. N. A. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Ghani, K. A. (2020). *Pengajaran Mata Pelajaran Agama Berasaskan Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bersepadu Dini*.
- Hamid, K. A., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2016, January). Kepentingan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Bagi Guru Bukan Opsyen Dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah: Satu kajian Retrospektif di Malaysia. *In Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 253-258).
- Hashim, S., & Daud, K. (2014). Amalan kepimpinan lestari dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah yang menerima tawaran baru di daerah Segamat. *Sains Humanika*, 2(4).
- Ibrahim, H. H., & Mohamed, S. (2021). Kompetensi Guru-guru Bukan Opsyen dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 377-385.
- Kasim, M. A. B. M., Ismail, S. N., Mohammad, S., & Ibrahim, H. (2017). Iklim sekolah dan komitmen guru di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) negeri Kelantan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Mabeya, M. T., Gikuhi, M., & Anyona, N. J. (2019). Influence of working conditions on teacher attrition in public secondary schools in Uasin Gishu County, Kenya. *European Journal of Education Studies*.
- Othman, N., & Omar, H. M. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5.
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2019). Mengenalpasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 3(1), 77-87.

- Sapora Sipon (2006). Pengurusan stres Kerja Guru Melalui Keberkesanan Kaunseling Kelompok. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 16 (02), (13-28).
- Sulehan, F. (2013). *Amalan kepimpinan lestari pengetua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di daerah Pontian (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia)*.
- Umar, A., & Hussin, S. (2012). Cabaran Penyelarasan Kuasa antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 21-30.
- Berita Harian. 6 November 2020. *Belanjawan 2021: RM800 juta untuk selenggara, baik pulih sekolah*. Oleh Zanariah Abd Mutalib.